

Pilihan : Soalan (5)

Tajuk : Alam Sekitar atau Pembangunan?

Pembangunan mengancam Alam sekitar

Di Malaysia, pembangunan fizikal adalah tuntutan semasa. Kita memerlukan pelbagai projek besar-besaran sama ada untuk membina prasarana atau kawasan perumahan. Namun, semua ini memerlukan perancangan rapi, bukan sekadar menebang tebas hutan dan menggondolkan bukit sesuka hati. Menggondolkan semua kawasan dengan matlamat menanamnya semula, bukanlah cara yang bijak. Adalah lebih baik syarikat atau pemaju menarah kawasan yang perlu saja. Kawasan yang perlu dikekalkan dengan kehijauan, perlu dijaga rapi. Sejak isu alam sekitar menjadi tumpuan kita dalam abad ke-20 yang lepas, perbandingan sering dibuat di antara persekitaraan yang teruk tercemar di kota-kota besar dengan kawasan desa atau luar bandar yang dikatakan masih terpelihara. Pada hari ini, banyak kota besar di seluruh dunia bergelut dengan masalah berkaitan pencemaran alam sekitar, sementara masih banyak kawasan desa yang memelihara keindahan alam semula jadi. Di kawasan luar bandar, yakni di pekan kecil, perkampungan dan petempatan yang kecil dan terpencil, impak jumlah dan kepadatan penduduk terhadap alam sekitar adalah jauh lebih rendah berbanding bandar-bandar besar. Tidak ramai penduduk bermakna tidak banyak kenderaan bermotor, serta tidak tinggi penggunaan air dan tenaga. Namun, di desa kesan kerja tangan manusia boleh jadi cukup jelas dan luas akibat beberapa aktiviti yang mungkin kurang sesuai dijalankan di kawasan bandar, iaitu pertanian, perlombongan dan pembalakan. Pertanian adalah satu aktiviti penting demi menghasilkan makanan yang mencukupi untuk semua orang, serta mengeluarkan bahan-bahan yang diperlukan dalam sesetengah industri lain. Teknologi pertanian di sesetengah negara adalah cukup maju, tetapi kita masih memerlukan kawasan yang luas untuk bercucuk-tanam dan menternak. Pertambahan penduduk di bandar memberi kesan langsung terhadap perkembangan sektor pertanian di luar bandar. Keperluan makanan dan bahan mentah industri yang berasaskan hasil pertanian memerlukan pertambahan kawasan perladangan dan penternakan. Akibatnya, lebih banyak tanah harus diteroka. Amalan pertanian yang tidak mesra alam menyumbang terhadap pencemaran udara, air dan tanah. Demi memastikan tanaman subur dan

terlindung dari serangan penyakit serta makhluk perosak, baja dan racun digunakan. Bahan-bahan kimia berbahaya yang mungkin terkandung dalam baja dan racun pertanian boleh meresap ke dalam tanah dan seterusnya bercampur dengan air di dalam tanah. Bahan kimia berbahaya juga boleh mencemar sungai dan kolam. Kehadiran bahan kimia di dalam air bukan sahaja membunuh hidupan liar, bahkan ia juga boleh mengakibatkan mutasi atau perubahan sifat-sifat ganjil pada haiwan dan tumbuhan.

Pembakaran terbuka secara besar-besaran, sama ada untuk meneroka kawasan pertanian baru atau memusnahkan sisa ladang menghasilkan banyak asap dan boleh mencetuskan bencana pencemaran udara serius. Buktinya, dalam tahun 1997 jerebu teruk telah melanda Asia Tenggara akibat pembakaran terbuka yang berleluasa di rantau itu. Pada tahun 2005 pula, sebahagian besar Lembah Klang di Malaysia sekali lagi menghadapi masalah jerebu akibat pembakaran terbuka di Indonesia. Sistem pengairan yang digunakan dalam sektor pertanian juga boleh memberi kesan terhadap alam semula jadi. Di utara India, kawasan-kawasan yang dahulunya subur dengan tanaman telah mula diancam kekeringan akibat habisnya sumber air galian. Terlalu banyak air bawah tanah telah disedut keluar untuk mengairi tanaman pada kadar yang lebih cepat daripada kadar hujan menggantikan air bawah tanah tersebut. Akibatnya, telaga terpaksa digali semakin dalam, sementara tanah yang menjadi kering turut mengalami masalah kemasinan akibat pengumpulan garam. Pelbagai usaha telah dijalankan untuk mengendalikan situasi ini, contohnya membina empangan-empangan kecil supaya air hujan dapat dikumpulkan dan meresap ke dalam tanah. Biarpun usaha sebegini sedikit-sebanyak berjaya menyelamatkan keadaan, amalan pertanian juga harus diubah supaya air dapat digunakan secara berkesan.

Lombong-lombong dedah mengakibatkan kawasan yang luas terpaksa diterangkan dan lubang yang besar lagi dalam terpaksa digali. Sesetengah bahan yang hendak dilombong terletak di kawasan yang sensitif, seperti hutan yang menempatkan hidupan tempatan yang unik. Di Namibia, kawasan yang luas di pesisir laut telah dibenteng dan dikeringkan untuk tujuan perlombongan berlian. Selain itu, sisa perlombongan turut menimbulkan masalah jika ia tidak dikendalikan secara betul. Malahan, ada sisa kerja perlombongan turut melibatkan bahan kimia berbahaya. Di suatu masa dahulu, merkuri digunakan secara meluas dalam perlombongan emas; merkuri

dapat mengasingkan emas daripada bahan-bahan lain. Namun demikian, sebahagian daripada merkuri tersebut terlepas dari sistem. Lebih merkuri ini mudah meresap ke dalam sumber air semula jadi. Merkuri adalah bahan toksik yang sangat berbahaya jika ibu yang mengandung terminum atau termakan sesuatu yang mengandungi merkuri, bayi dalam kandungannya boleh mengalami kecacatan. Permintaan tinggi terhadap bahan api fosil - khususnya petroleum dan gas asli - mendorong usaha mencari dan mengali diteruskan di seluruh dunia. Kegiatan ini akan menjadi lebih terdesak apabila bekalan semakin berkurangan akibat simpanan bahan api fosil yang semakin kehabisan. Baru-baru ini, kawasan yang diberikan perlindungan undang-undang di Alaska, Amerika Syarikat mendepani masa depan yang tidak tentu berikutan simpanan bahan api fosil yang dikatakan banyak di bawah tanah di kawasan tersebut. Sementara itu, kerajaan negeri Sabah, Malaysia telah mengharamkan sebarang kegiatan perlombongan di Lembangan Maliau (Maliau Basin), iaitu suatu kawasan hutan yang unik kerana berbentuk seperti kawah, dan turut memiliki simpanan arang batu yang banyak.

Di negara-negara yang memiliki litupan hutan yang luas, pembalakan menjadi salah satu kegiatan ekonomi utama. Jika ia dilakukan secara berhemah, contohnya melibatkan kawasan yang dipilih secara tepat dan kegiatan itu diurus secara rapi dengan pemantauan ketat, pembalakan hanya akan memberikan kesan minimum terhadap alam semula jadi. Akan tetapi, masalah sering tercetus akibat pengurusan sumber hutan yang tidak menepati prinsip penjagaan alam sekitar, dan kegiatan pembalakan haram. Penebangan hutan atas sebab apa pun akan memusnahkan kawasan hutan dan melenyapkan habitat hidupan. Dalam skala besar, kepupusan spesies haiwan dan tumbuhan akan berlaku. Pada masa yang sama, kawasan tanah yang luas lagi terdedah akan membolehkan hakisan teruk berlaku, kemudiannya mengakibatkan tanah runtuh dan banjir lumpur. Setiap tahun kita menerima berita dari seluruh dunia berkenaan tanah runtuh dan banjir lumpur melanda petempatan manusia khususnya di kawasan luar bandar akibat hakisan teruk di hulu sungai atau tanah tinggi. Kemusnahan hutan akibat pembalakan turut menggugat sumber air. Hutan adalah kawasan tadahan hujan yang bukan saja menghalang hakisan tetapi turut menumpukan aliran air hujan ke dalam sungai dan kolam. Aliran air yang diperlahankan litupan flora turut membolehkan air itu menyerap ke dalam tanah dan menjadi sumber air galian. Tanpa kawasan tadahan hujan,

sumber air bersih akan terjejas dan menggugat kehidupan manusia serta segala aktiviti manusia di sesuatu kawasan. Aktiviti pembalakan di mana-mana sekalipun perlu dirancang rapi agar tidak memusnahkan kawasan hutan. Ini kerana apabila satu-satu kawasan hutan telah diterangkan, masa yang terlalu lama diperlukan untuk memulihkannya sebagai hutan seperti asalnya. Penebangan terpilih (memilih pokok yang menepati ciri-ciri tertentu sahaja untuk ditebang), penanaman semula hutan yang telah ditebang dan mengadakan ladang hutan (menanam spesies-spesies pokok hutan untuk ditebang apabila matang) adalah beberapa kaedah yang cuba diamalkan untuk mengurangkan impak negatif pembalakan.

Mengatasi masalah alam sekitar yang diancam oleh pembangunan

Keupayaan sebuah badan pentadbiran untuk memastikan wujudnya prasarana yang mesra alam di luar bandar berkait langsung dengan tahap kemajuan negara tersebut dan mentaliti rakyatnya. Sebuah negara yang maju dan kaya mampu mewujudkan sistem pengurusan yang mesra alam di petempatan-petempatan kecil. Sebuah negara yang tegas dalam mempertahankan prinsip penjagaan alam akan memastikan tiada kegiatan yang menyalahi prinsip itu dilakukan di dalam wilayahnya melalui cara-cara yang inovatif dan menyeluruh. Tanpa peraturan bersesuaian dan penguatkuasaan yang ketat oleh pihak berkuasa, pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab akan mengambil kesempatan di sebalik keinginan penduduk luar bandar untuk mendapatkan kehidupan yang lebih selesa dan senang. Mereka ini menjanjikan wang dan manfaat yang banyak kepada penghuni desa, dan setelah memperolehi tanah yang diperlukan, kawasan tersebut akan dibangunkan dengan aktiviti yang merosakkan alam sekitar.

Terdapat juga mereka yang menyingkirkan bahan buangan industri berbahaya dari kawasan bandar di kawasan luar bandar, khususnya di dalam hutan yang sukar dikesan oleh pihak berkuasa. Tindakan tidak bertanggungjawab sebegini mampu mencetuskan bahaya lebih besar jika bahan buangan itu terus dibiarkan meresap ke dalam tanah atau bertindakbalas dengan bahan-bahan lain yang mungkin wujud semula jadi untuk menghasilkan bahan yang lebih berbahaya lagi. Satu contoh yang baik telah berlaku baru-baru ini, dalam bulan Januari 2006 di negeri Johor, Malaysia. Bahan buangan dari kilang aluminium telah ditanam ke bawah tanah di sebuah ladang getah. Apabila bahan buangan

itu bertindakbalas dengan air, gas ammonia dilepaskan ke udara. Penduduk yang tinggal berdekatan kawasan tersebut telah terhidu bau busuk gas ammonia, lalu terdedahlah tindakan tidak bertanggungjawab pihak-pihak berkenaan yang turut membuang sisa yang sama di dua lagi lokasi lain. Ribuan tan bahan berbahaya terpaksa diproses dan wang rakyat digunakan untuk tujuan tersebut. Satu aspek penting adalah mentaliti penduduk luar bandar itu sendiri. Kita tidak boleh menafikan hak mereka untuk memperoleh kemajuan dan pembangunan. Penduduk luar bandar mesti berfikir dengan teliti, menjalankan siasatan sendiri dan mengambil kira kesan terhadap persekitaran mereka sebelum mengambil sebarang tindakan dan membuat keputusan, kerana apa jua yang berlaku terhadap alam sekitar akan mempengaruhi kehidupan mereka sendiri. Alam semula jadi adalah khazanah berharga yang perlu dipertahankan penghuni desa, di masa alam semula jadi di kawasan kota menerima ancaman hebat setiap hari. Jika penghuni desa sudah tidak peduli akan aspek penjagaan alam sekitar, khazanah yang berharga itu bakal terlepas dari tangan kita buat selama-lamanya.

Keentingan individu adalah punca masalah kemusnahan Alam sekitar

Malaysia kini menjadi popular dalam bidang pembangunan. Activiti pembangunan tidak dihentikan dengan ada permintaan untuk pembangunan dari segi rumah mahupun pejabat atau kedai. Ini menjadi kebanggaan Negara dengan adanya pembangunan yang pesat and menunjukkan pembangunan Negara dari segi ekonomi mahupun kewangan. Walaupun sebegitu, kisah benar disebalik pembangunan adalah kemusnahan alam sekitar and tidak dipertimbangkan oleh sebahagian daripada pengusaha pembangunan. Ini disebabkan alam sekitar tidak dapat memberikan kekayaan kepada seseorang tetapi pembangunan memberikan kekayaan kepada pengusahanya. Kekayaan digambarkan dari segi kewangan, iaitu setiap bangunan yang dibina di Malaysia mempunyai nilai untuk dijual pada lingkungan harga RM 100,000 hingga RM 500,000. Kekayaan ini merupakan kepentingan pengusaha pembangunan and salah satu sebab kemusnahan alam sekitar yang tidak terkira. Maka kekayaan tidak patut diutamakan and adalah penting untuk alam sekitar dijaga and diperlihara. Kesimpulan, memelihara alam sekitar adalah tugas utama dan tanggungjawab setiap manusia di bumi ini untuk memastikan alam sekitar tidak dikorbankan demi kekayaan dan kepentingan individu

yang boleh menyebabkan kepupusan. Pada masa yang sama, ini tidak bermaksud pembangunan perlu dihentikan kerana pembangunan dalam negara melambangkan kebanggaan negara. Maka pembangunan patut dilakukan dengan penuh perhatian tanpa memusnahkan bilangan alam sekitar yang banyak dan sememangnya aktiviti pembangunan ini dikawal oleh kerajaan bagi memastikan aktiviti yang terhad dan tidak melebihi hadnya. Keutamaan patut diberikan kepada alam sekitar dan segala aktiviti pembangunan tidak patut mengancam alam sekitar atau menyebabkan pencemaran alam.